



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

KESATUAN UMAT MEMBAWA RAHMAT

Tarikh Dibaca :

**15 SYAABAN 1443H/
18 MAC 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَاهِدُوا كَمَا جَاهَدُوا إِسْلَامًا مَلِيًّا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KESATUAN UMAT MEMBAWA RAHMAT

15 SYAABAN 1443H / 18 MAC 2022

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

﴿وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا﴾

كَذَلِكَ يَبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾ **آل عمران: ١٠٣**
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN, marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dinaungi rahmat dan kasih sayang Allah SWT di dunia dan akhirat. Pada hari yang penuh keberkatan ini, khutbah akan membicarakan tajuk “**Kesatuan Umat Membawa Rahmat**”.

Sebelum itu, saya ingin mengingatkan agar kita terus melakukan kawalan sendiri bagi membendung wabak penyakit Covid-19. Saya juga dengan tulus hati mengajak umat Islam untuk mendapatkan dos penggalak dan bagi ibu bapa memastikan anak-anak mendapatkan vaksin sebagai ikhtiar kerana telah terbukti mengurangkan risiko ke tahap

yang lebih bahaya. Selain itu, teruslah bermunajat memohon doa kepada Allah SWT terutamanya di Bulan Syaaban yang penuh keberkatan ini.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam mengajak umatnya kepada penyatuan dan kesepaduan. Allah SWT memerintahkan supaya kita umat Islam sentiasa bersatu-padu atas agama Islam dan menjauhi perselisihan dan pertengkaran melalui banyak firman-Nya dalam al-Quran. Antaranya melalui ayat 103 dari Surah ali Imran yang dibacakan awal khutbah tadi:

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu. Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya”.

Rasulullah SAW juga melalui hadis yang direkodkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim telah memberi analogi bahawa umat Islam itu digambarkan seperti bangunan yang mana masing-masing berperanan mengukuhkan antara satu sama lain. Sabda Rasulullah SAW:

المؤمن للمؤمن كالبنيان يشد بعضه بعضاً

Maksudnya: “Seorang mukmin terhadap mukmin yang lain (digambarkan) seperti satu bangunan, sebahagiannya menguatkan yang lain”.

Ingatlah bahawa perpaduan dan kesatuan umat Islam ini merupakan salah satu nikmat yang sangat mahal dan tidak dapat dinilai dengan harta dunia sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Anfal ayat 62-63:

هُوَ الَّذِي آتَاكَ بِنَصْرِهِ وَبِالْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٢﴾ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ
جَمِيعًا مَا أَلْفَتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَئِنَّ اللَّهَ أَلْفَ بَيْنَهُمْ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٣﴾

Maksudnya: *“Dia lah yang menguatkanmu dengan pertolongan-Nya dan dengan (sokongan) orang-orang yang beriman. Dan (Dia lah) menyatupadukan antara hati mereka. Kalaulah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat menyatupadukan antara hati mereka, tetapi Allah telah menyatupadukan antara (hati) mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.*

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam satu peristiwa yang direkodkan oleh Ibnu Hibban, Abdul Rahman bin Auf pernah mengadu kepada Nabi tentang Khalid al-Walid. Lalu Nabi berkata kepada Khalid, “Wahai Khalid! Janganlah saudara menyakiti lelaki yang menjadi anggota tentera Perang Badar. Seandainya saudara bersedekah emas sebesar gunung Uhud, saudara masih tidak dapat menyaingi amalannya”. Khalid al-Walid pula berkata, “Wahai Rasulullah! Mereka menuduh saya, padahal yang dimaksudkan itu adalah mereka sendiri”. Nabi berkata: “Janganlah sakiti Khalid. Dia adalah pedang antara pedang-pedang Allah Azza wa Jalla. Allah telah menghantar dia bagi memerangi orang-orang kafir”.

Bijaknya Nabi SAW, Baginda bersifat berkecuali dalam situasi sebegini. Baginda tidak menyebelahi mana-mana pihak sama ada di pihak Abdul Rahman bin Auf mahupun di pihak Khalid al-Walid. Sebaliknya Baginda cuma menegah sesiapa untuk menyakiti kedua-dua sahabat ini kerana kemuliaan mereka dan seterusnya Baginda memuji kedua-dua sahabat yang mulia itu. Inilah yang sepatutnya kita contohi apabila berhadapan dengan apa jua konflik. Contohilah teladan Nabi SAW yang mengutamakan perdamaian dan bukan mencari-cari kesalahan atau malah memutuskan persaudaraan. Secara mudahnya, jadilah orang yang mendamaikan dan bukan menyimbah minyak pada api yang sedang menyala.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Susulan pengumuman YAB Perdana Menteri berkenaan peralihan ke fasa endemik, Alhamdulillah, masjid dan surau khususnya di Wilayah Persekutuan telah membenarkan pelaksanaan solat tanpa penjarakan bermula 1 April nanti. Khutbah juga menjunjung kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas perkenan baginda dalam usaha kita memakmurkan masjid dan surau di Wilayah Persekutuan. Justeru, marilah kita sama-

sama memanfaatkan peluang mengimarahkan masjid, surau dan istiqamah melaksanakan solat berjemaah di masjid. Pasti ia sesuatu yang sangat ditunggu-tunggu selama ini. Tambahan pula, kita sedang menuju Ramadhan al-Mubarak, eloklah kita mula melatih diri dengan solat berjemaah di masjid, memperbanyakkan puasa sunat, solat sunat dan amalan-amalan lain yang dianjurkan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebagai kesimpulan khutbah hari ini, saya ingin merumuskan beberapa intipati:

Pertama: Berpegang teguhlah dengan tali Allah SWT dengan sentiasa memelihara agama Islam dan kesatuan umat.

Kedua: Kesatuan umat yang dibina atas dasar keikhlasan dan mengharap keredhaan Allah SWT semata-mata mampu mencetuskan kestabilan dan kesejahteraan dalam masyarakat sebagaimana yang ditunjukkan dalam kepemimpinan Rasulullah SAW.

Ketiga: Sesungguhnya Islam merupakan agama yang benar dan diredhai Allah SWT. Umat Islam yang bersatu-padu dan berpegang teguh atasnya mendapat jaminan keselamatan hidup di dunia dan akhirat.

Firman Allah SWT dalam Surah al-An'am ayat 153:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَٰلِكُمْ
وَصَّوَّمْنَا بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

Maksudnya: "Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertakwa".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.
 وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
 اللَّهُمَّ أَيْدِ بَدْوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ الْكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي الْكُوغْ، تُونُكُو حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Hindarkanlah kami dari sebarang bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
 عِبَادَ اللَّهِ،

❁ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
 وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.